

Lawatan Kerja Rasmi Menteri Pendidikan Malaysia ke Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 1 Mac – Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia telah membuat Lawatan Kerja Rasmi ke Wilayah Persekutuan Labuan, hari ini.

Bermula 8 pagi, YB Dato' Seri Mahdzir telah membuat lawatan pertama ke Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun bagi Program Transformasi Sekolah 2025, TS25 dan melihat sendiri suasana Pengajaran dan Pembelajaran di Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapannya, beliau menekankan semua guru perlu bersedia untuk melaksanakan PdP abad ke-21 menggunakan teknologi terkini seiring dengan perubahan pesat dunia digital.

Katanya lagi, sebanyak 1,000 buah sekolah akan menikmati Smart Classroom termasuk sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tidak semua bilik darjah akan diganti dengan Smart Classroom, sebagai permulaan mungkin dua buah bilik darjah akan digunakan.

Seterusnya, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid telah berkunjung (*walkabout*) ke Kolej Matrikulasi Labuan bagi melihat aspek infra dan penyelenggaraan.

Lawatan Kerja YB Menteri Pendidikan Malaysia diakhiri dengan Majlis Titian Kasih bersama warga pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan yang melibatkan seramai 700 orang guru.



Gambar kenangan Dato' Seri Mahdzir bersama Warga Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

YB Dato' Seri Mahdzir dan Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin terhadap keluh kesah guru duka lara yang memohon berpindah supaya dapat berdekatan dengan keluarga dan sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan guru.

Beliau tidak lupa juga mengingatkan guru, khususnya yang terbabit membimbing murid-murid yang mengambil bahagian dalam pentaksiran pendidikan antarabangsa Trends in

Mathematics and Science Study (TIMSS) dan juga Programme for International Student Assessment (PISA) agar sentiasa bersungguh-sungguh dengan penilaian tersebut bagi menaikkan lagi ranking pendidikan Negara Malaysia di mata dunia.

Sebanyak RM3.7 juta diperuntukkan bagi Projek Pembangunan Khas untuk penyelenggaraan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

KPM merancang untuk membaiki sebuah flat kediaman bagi dijadikan pusat untuk pelajar-pelajar tingkatan enam dengan kos anggaran RM15 juta.

YB Dato' Seri Mahdzir Khalid telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM300,000 untuk Ahli Parlimen Labuan khusus untuk pendidikan di Labuan.

Turut serta Lawatan Kerja Menteri Pendidikan kali ini, Ahli Parlimen Labuan ialah YB Datuk Rozman Haji Isli, YB Senator Datuk Bashir Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Alias Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPM, YBhg, Dato Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Operasi Pendidikan, Tuan Hj Aminudin Adam, Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM, Dr. Baiduriah binti Yaakub dan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin.